

**PEMBANGUNAN MODAL INSAN KEPENTINGANNYA DALAM PROGRAM
PEMULIHAN REMAJA BERMASALAH**

Noor Hafizah Mohd Haridi, Maizan Binti Mat@Muhammad, Norsaleha Mohd Salleh
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
noorhafizah@kuis.edu.my

Ahmad Munawar Ismail
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Modal insan atau human capital merujuk kepada modal atau apa yang dapat dikeluarkan dari seseorang insan untuk dimanfaatkan. Modal insan hanya akan menjadi asset penting bagi sesebuah organisasi dan negara sekiranya tahap kecekapan, kemahiran dan pengetahuan modal insan dibangunkan selaras dengan keperluan organisasi dan negara. Pembangunan berkaitan modal insan atau sumber manusia ini bukan sahaja penting untuk pembangunan ekonomi atau material sesebuah negara malah ia juga penting dalam memastikan kelestarian jati diri seseorang individu. Di Malaysia terdapat banyak institusi yang melaksanakan program pemulihan khususnya terhadap remaja bermasalah. Metode yang digunakan dalam kajian ialah deskriptif analisis. Hasil kajian mendapati elemen teras dalam program pemulihan berasaskan kepada tiga elemen utama iaitu pegangan akidah yang teguh, pengamalan kolektif akhlak mulia serta wawasan iman dan muamalah. Elemen ini penting bagi membentuk sahsiah diri seterusnya melahirkan personaliti yang baik dan mampu menghalang diri daripada terjebak dalam melakukan amalan-amalan yang bercanggah dengan syariat Islam

Kata Kunci: Pembangunan Modal Insan, Program Pemulihan, Remaja Bermasalah.

1. PENGENALAN

Konsep pembangunan insan berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Hal ini kerana insan dan manusia mempunyai maksud yang sama. Mereka perlu dibangunkan dari (Arifin, 1980) kedua-dua aspek iaitu fizikal dan spiritual sesuai dengan fitrah kejadiannya bagi melahirkan kehidupan yang diredai oleh penciptanya iaitu Allah SWT.

Insan pada hari ini berlumba-lumba untuk menuju kepada kemuncak pembangunan. Melalui perkembangan sains dan teknologi, mereka telah mengeksploitasi sepenuhnya sumber alam kurniaan Allah swt untuk kesenangan dan kemudahan kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, satu hakikat yang sukar untuk dinafikan ialah bentuk dan corak pembangunan yang dilaksanakan oleh insan hari ini telah menimbulkan begitu banyak krisis atau masalah sama ada kepada kehidupan insan bermasyarakat atau alam sekitar fizikal.

Pembangunan yang dijelmakan oleh insan hari ini, diwarnai dengan pertambahan kadar jenayah, keruntuhan institusi keluarga, pertambahan gejala keruntuhan moral di dalam masyarakat, kelahiran generasi muda yang tidak beretika, kemusnahan alam sekitar serta masalah-masalah lain yang amat kronik. Melihat kepada perkembangan tersebut, satu penilaian terhadap bentuk atau corak pembangunan hari ini adalah merupakan satu perkara yang begitu penting. Paradigma sesebuah masyarakat terhadap pembangunan akan menentukan apakah bentuk dan corak pembangunan yang akan dilaksanakan di

dalam masyarakat tersebut. Konsep pembangunan yang berteraskan kepada asas dan pandangan yang tidak komprehensif akan menghasilkan natijah atau implikasi negatif daripada pembangunan yang dilakukan. (Borham, 2007)

Pembangunan insan ialah proses pendidikan manusia dengan tumpuan terhadap aspek fizikal dan spiritual secara bersesuaian dengan fungsi dan peranan setiap komponen secara tepat. Kesesuaian ini mengakibatkan setiap komponen berkembang seperti tujuan asal kejadian setiap komponen. Hal ini seterusnya melahirkan manusia yang mantap dalam segenap aspek yang akhirnya berupaya memberikan sumbangan terhadap agama dan masyarakat. (Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin)

2. MODAL INSAN

Modal insan atau *human capital* merujuk kepada modal atau apa yang dapat dikeluarkan dari seorang insan untuk dimanfaatkan. Dengan kata lain modal insan juga merujuk kepada kesemua yang bersumberkan dari manusia. Oleh itu, modal insan juga boleh disamakan dengan istilah sumber manusia. Dalam konteks Malaysia, pembangunan modal insan amat ditekankan dalam Perancangan Malaysia Kesembilan (RMK 9) dan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11). (<https://www.intanbk.intan.my/iportal/index.php/ms/rmk11>). Terdapat enam teras utama dalam (RMK 11) iaitu:

- i. Memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
- ii. Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- iii. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju
- iv. Kemampanan dan Daya Tahan Pembangunan Melalui Pertumbuhan Hijau
- v. Memperkukuh Infrastruktur bagi Menyokong Pertumbuhan Ekonomi
- vi. Memperkasa Pertumbuhan Ekonomi untuk Peningkatan Kemakmuran

Istilah pembangunan modal insan terbentuk dari tiga perkataan iaitu pembangunan, modal dan insan. Istilah yang terbentuk dari ketiga-tiga perkataan ini yang mewujudkan maksud sebenar konsep ini. Walaubagaimanapun, maksud atau definisi sebenar konsep ini secara umumnya adalah bermula dengan perbincangan mengenai maksud pembangunan itu sendiri.

Secara umumnya pembangunan merupakan satu proses peningkatan dari suatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik merangkumi segala aspek sama ada kemanusiaan (keinsanan), kebendaan, keilmuan dan juga teknologi. Dalam erti kata lain, pembangunan mengandungi idea peningkatan keupayaan dan potensi apabila merujuk kepada suatu gerakan ke hadapan bermula daripada satu posisi yang lebih rendah kepada satu posisi yang lebih besar dari segi pencapaian, peluang dan manfaat. (M Noor, 2012)

Konsep pembangunan modal insan ini berkait rapat dengan konsep pembangunan manusia. Insan dan manusia mempunyai maksud yang sama. Mereka perlu dibangunkan dari kedua-dua aspek iaitu aspek fizikal dan spiritual sesuai dengan fitrah kejadiannya bagi melahirkan kehidupan yang diredhai oleh Penciptanya iaitu Allah s.w.t. (Bey Ariffin: 1980:3).

Konsep pembangunan modal insan adalah sebahagian daripada konsep pembangunan insan (atau pembangunan manusia) yang lebih luas, yang telah diterima pakai oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mulai tahun 1990. Mahbub ul Haq (1995) (pakar ekonomi dari Pakistan), telah mempelopori konsep ini, dan menjelaskan bahawa 'pembangunan manusia' ialah pembangunan yang memusatkan manusia itu sendiri, iaitu manusia menjadi ejen pembangunan dan sekaligus menjadi matlamat akhir kepada pembangunan itu sendiri.

Pembangunan modal insan adalah pemerksaan insan sebagai individu kepada pembangunan dan sebagai kelompok komuniti. Pembangunan modal insan sebenarnya merujuk kepada memperkasakan insan itu sendiri. (Haryati Shfii', Sharifah Meryam Shareb Musa & Zakila Abd Rahman, 2009)

3. PROGRAM PEMULIHAN

Program pemulihan merupakan satu bentuk perkhidmatan sosial bagi memulihkan individu yang menghadapi masalah tingkah laku negatif (Barton 1999). Salah satu golongan yang berisiko untuk terlibat dengan jenayah adalah golongan kanak-kanak. Menurut Akta Kanak-Kanak 2001, kanak-kanak ialah individu yang berumur bawah 18 tahun. Mengikut Kanun Keseksaan (Akta 574), seseorang kanak-kanak itu mempunyai tanggungjawab jenayah apabila berumur 10 tahun sehingga berumur bawah 18 tahun ketika melakukan jenayah. Antara jenayah yang seringkali dilakukan kanak-kanak adalah jenayah harta benda seperti mencuri, pecah rumah, pergaduhan dan sebagainya. Namun demikian, jika permasalahan jenayah ini tidak dibendung, kanak-kanak ini akan terus melakukan jenayah sehingga berani melakukan jenayah yang lebih berat seperti membunuh, merompak dan merogol. Oleh itu, usaha pemulihan dari aspek tingkah laku dan aspek mental perlu dilakukan kepada mereka yang melakukan jenayah.

Di Malaysia, perkhidmatan pemulihan untuk pesalah kanak-kanak adalah pendidikan melalui sistem persekolahan (Darussalam Budin, 2014; Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Antara jenis-jenis sistem persekolahan yang dikenalpasti adalah Sekolah Tunas Bakti di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia dan Sekolah Henry Gurney di bawah Jabatan Penjara Malaysia. Pemulihan secara pendidikan dapat membantu memulihkan mereka dari segi tingkah laku, kemahiran hidup dan membina keyakinan diri supaya mereka dapat berhadapan dengan orang luar apabila dibebaskan daripada pusat pemulihan. Antara program pemulihan yang dikenalpasti dilaksanakan di Malaysia adalah Program Pemulihan Akhlak. Dalam memastikan program pemulihan dilaksanakan dengan berkesan adalah *Special Issue 2 (October 2016) 023-036, ISSN: 1823-884x 25*

4. REMAJA BERMASALAH

Remaja adalah aset kepada sesebuah negara. Pembangunan sesebuah negara banyak bergantung kepada kualiti dan produktiviti remajanya. Dalam membangunkan generasi remaja yang berkualiti dan produktif banyak perkara yang harus dititikberatkan. Antara aspek penting yang 163 harus diberi perhatian adalah pembangunan sosio-ekonomi dan akhlak golongan remaja.

Remaja adalah satu tempoh peralihan di antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Tempoh ini mewakili suatu tempoh masa yang mana seseorang individu terpaksa berdepan dengan banyak perubahan serta transformasi biologi yang seterusnya menyumbang kepada perubahan dan tribulasi emosi (Benjamin, 1998).

Remaja merupakan satu zaman yang bermula dari baligh dan berakhir apabila seseorang itu menjadi dewasa. Pelbagai pancaroba yang berlaku di zaman remaja ini (Majid dan Rahill, 1997). Peringkat remaja adalah bermula dari umur 12-18 tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak akan mencapai tahap kematangan akil baligh dan menyedari tentang perubahan bentuk badan mereka. Mereka akan menerima perubahan fizikal mereka dan menggunakannya dengan cara yang paling berkesan (Pong Ying dan Ragbir, 1998). Organisasi Kesihatan Kebangsaan (WHO) meletakkan individu berusia di antara 10 hingga 20 tahun sebagai remaja (Emerson 2005). Definisi usia golongan remaja adalah pelbagai. Walau bagaimanapun definisi-definisi tersebut meletakkan definisi usia remaja dalam lingkungan 10 hingga 20 tahun.

Masa remaja adalah satu tempoh penanguhan psikososial, satu tempoh peralihan yang panjang di antara peringkat kanak-kanak kepada peringkat dewasa, yang mungkin ataupun tidak mungkin disambut oleh individu tersebut sebagai satu peluang untuk meneroka ke alam diri sendiri. Dengan kata lain, remaja bermaksud satu zaman peralihan dari peringkat zaman kanak-kanak ke peringkat bebas, iaitu zaman dewasa. Zaman inilah para remaja sentiasa dicabar oleh peraturan-peraturan agama, sosial dan pembangunan. Seandainya mereka gagal mengawasi tugas-tugas perkembangan yang dilalui tersebut, maka mereka akan menghadapi masalah dan tekanan. Jadi, pada masa kini remaja akan sentiasa keluar dari rumah untuk mendapatkan hiburan dan keseronokan terutama di tempat-tempat yang menjadi tarikan orang ramai tanpa mengira waktu siang ataupun malam (Kathleen dan Joseph, 1989).

5. KONSEP DELINKUEN

Terdapat pelbagai definisi berkaitan tingkahlaku delinkuen antaranya ialah delinkuen adalah sikap melanggar undang-undang (yang tidak serius) atau melakukan perkara yang tidak diterima masyarakat (Kamus Dewan Edisi Empat, 2007).

Delinkuen adalah kata sifat yang bermaksud berkelakuan jahat dan melanggar undang-undang dan kata nama yang bermaksud orang yang bersalah atau juvenil delinkuen manakala delinkuensi adalah kata nama yang bermaksud perbuatan salah, kelakuan jahat atau jenayah yang dilakukan oleh individu yang berumur bawah 18 tahun (AKK 2001) (Kamus Dwibahasa 2003;2006).

Delinkuen juga dikenali sebagai tingkah laku devian iaitu tingkah laku yang bertentangan dengan norma dan tatasusila masyarakat dan disebut sebagai jenayah apabila tingkah laku devian itu melibatkan kesalahan undang-undang (Rohana 1996).

Walaupun bagaimanapun, tingkah laku kenakalan adalah sangat luas definisinya. Ia berbeza daripada segi kekerapan, masa ia dilakukan, keseriusan kenakalan, dan terdapat pelbagai jenis kenakalan yang boleh dikategorikan di dalamnya. Perbezaan ini bergantung kepada bagaimana ia diberi definisi oleh masyarakat di mana ia dilakukan. Daripada pendapat

ini, jelaslah bahawa apa sahaja perbuatan yang dikatakan kenakalan itu adalah berakarkan faktor sosial. Ia bergantung bagaimana masyarakat mentafsirkannya. Maka satu masyarakat dengan masyarakat yang lain mempunyai definisi berbeza terhadap apa yang dikatakan tingkah laku kenakalan (Gibbons, 1981).

Delinkuen berasal daripada perkataan Latin “delinquere” bererti terabaikan, mengabaikan yang kemudiannya diperluaskan ertinya menjadi jahat, antisosial, melakukan jenayah dan melanggar peraturan (Kartini, 1986). Delinkuen juga bermaksud perbuatan dan aktiviti remaja (pelajar) yang berlawanan dengan normanorma masyarakat, undang-undang negara dan agama. Kelakuan yang dikatakan delinkuen adalah perbuatan seperti mencuri, merompak, merogol, berzina, membunuh, menagih dadah, menderhaka kepada ibu bapa, mencabar atau melawan guru, ponteng sekolah, memeras ugut, memukul dan membuli dan lain-lain lagi (Hairunnaja Najmudin, 2003).

Menurut William (1994) tingkah laku delinkuen bermaksud semua tingkah laku yang tidak boleh diterima terutamanya yang dilakukan oleh remaja. Kadangkala tingkah laku ini dianggap salah di sisi undang-undang dan ada juga tingkah laku yang tidak menyalahi undang-undang tetapi tidak diterima masyarakat.

Pitts (2001) pula mendefinisikan tingkah laku delinkuen sebagai tingkah laku bermasalah dalam kalangan remaja. Beliau menyebut sebagai tingkah laku disorder, tingkah laku anti social dan tingkah laku nuisance sebagai tingkah laku delinkuen.

Kelakuan yang menyimpang secara signifikan daripada norma-norma yang ditentukan untuk individu dalam status sosial, ia tidak dapat dipelihara secara abstrak tetapi perlu dikaitkan dengan norma-norma yang dianggap oleh masyarakat sebagai munasabah dan morally binding bagi orang menduduki status yang berlainan. Kelakuan yang melanggar jangkaan yang diinstitusikan, iaitu jangkaan yang dikongsi dan diiktiraf sebagai sah dalam sesuatu sistem sosial. Kelakuan mengikut arah yang tidak dipersetujui, yang bertentangan dengan norma dan darjatnya melebihi had toleransi sesuatu masyarakat (Ab. Alim, 1994).

6. KEPENTINGAN MODAL INSAN DALAM PROGRAM PEMULIHAN REMAJA BERMASALAH

Kepentingan dan keperluan pembangunan modal insan ini tidak dapat dinafikan khususnya dalam program pemulihan di institusi pemulihan akhlak di Malaysia. Elemen modal insan mestilah diterapkan dalam program-program pemulihan yang dilaksanakan. Penerapan elemen ini jelasnya dapat merangsang dan membina sikap pelatih yang bukan sahaja sedar kesilapan serta kesalahan yang telah dilakukan. Malah, penerapan elemen modal insan ini dapat melahirkan individu yang menjadi Islam sebagai cara hidup yang sempurna, mempunyai jati diri dan sentiasa berusaha meningkatkan tahap keimanan dan ketaqwaan kepada Allah swt.

Islam sangat menekankan insan yang berkualiti dengan penguasaan ilmu, berfikiran luhur, bertoleransi, mempunyai daya saing dan sebagainya. Semua ciri-ciri yang dinyatakan ini merupakan sebahagian daripada unsur-unsur penjanaan modal insan. Oleh

yang demikian kegagalan manusia memahami tuntutan yang terdapat dalam al-Quran dan tidak mempelajari sejarah jatuh bangun peradaban manusia pada masa silam menyebabkan manusia gagal untuk berfungsi menjadi insan kamil. Sebagaimana firman Allah swt dalam surah al-A'la:14-17

Maksudnya:

“Sesungguhnya berjayalah orang Yang - setelah menerima peringatan itu - berusaha membersihkan dirinya (dengan taat dan amal Yang Soleh), dan menyebut-nyebut Dengan lidah dan hatinya akan nama Tuhannya serta mangerjakan sembahyang (dengan khusyuk)”.

Untuk membangunkan modal insan mengikut acuan Islam, ada tiga perkara penting yang perlu menjadi fokus pemerhatian, iaitu:

- i. Pegangan akidah yang teguh
- ii. Pengalaman kolektif akhlak mulia
- iii. Wawasan iman dan muamalah

7. PEGANGAN AKIDAH YANG TEGUH

Masa muda (belia) adalah masa kegoncangan jiwa, masa peralihan atau masa berada di atas jambatan goyang yang menghubungkan masa kanak-kanak yang penuh kebergantungan kepada masa dewasa yang matang dan kecenderungan untuk hidup berdiri sendiri. Oleh itu, akidah pada masa belia ini memerlukan pengukuhan dan pembinaan yang *serius*. Bagi mengukuhkan suatu keyakinan (akidah) dalam Islam, penghujanan (dalil) yang nyata dari nas-nas Islam yang *qat'iy* (kuat). Titik tolak akidah adalah keyakinan terhadap Allah (SWT) yang merupakan Pencipta, Pengatur dan Pengendali dalam kehidupan di dunia ini. Sehingga apa sahaja yang terjadi, semuanya menunjukkan kekuasaan Allah (SWT).

Dalam rangka peneguhan keyakinan yang dinyatakan, ulama Islam telah mengembangkan pelbagai disiplin ilmu yang berkaitan dengan perkara tersebut. Antaranya, Ilmu Tauhid, Ilmu Kalam, Ilmu Tasawuf (ilmu kerohanian Islam) dan lain-lain. Abu Hamid al-Ghazali (1973) telah berwasiat kepada para belia Islam: “Supaya mendalami masalah-masalah yang berkaitan dengan akidah uluhiyyah, agar keyakinan mereka kepada Allah swt dapat menjadi benteng dalam menghadapi kegoncangan jiwanya”.

Oleh yang demikian, jika usaha seseorang itu berjaya dan berhasil sesuai dengan yang dirancangkan, mereka bersyukur kepada Allah swt yang memiliki *Great Force* (kuasa perkasa). Namun jika hasil usahanya tidak menggembirakan (gagal) mereka tetap sabra dan menahan diri dengan penuh yakin dan reda menerima aturan dan pemberian Tuhannya. Malah mereka kembali berikhtiar mencari jalan yang terbaik, di samping memohon hidayah dan petunjuk dari Tuhannya.

Keyakinan seperti ini dapat mengubati pelbagai perubahan kejiwaan yang biasa melanda umat manusia terutama generasi belia, misalnya: *anxiety* (cemas), frustrasi, konflik jiwa, *sense of guilt* (rasa bersalah) dan lain-lain. Untuk mengukuhkan akidah Islam pada diri generasi muda, Islam telah mengajar agar ibu bapa atau para pendidik untuk membentuk

dalam jiwa seorang anak tentang kefahaman terhadap iman kepada Allah (SWT) sebagai asas dalam pendidikan. Ada beberapa tahapan pendidikan yang mesti dilalui, antara lain:

- i. Membuka jiwa anak dengan kalimah tauhid (*la ilaha illa Allah*). Kalimah ini akan menjelma sebagai penyiram fitrah yang sentiasa berkembang ke arah yang positif.
- ii. Menanamkan kefahaman kepada mereka tentang *halal* dan *haram* dalam Islam serta membiasakan diri untuk meyakini dan mengamalkannya. Akhirnya nanti akan menjadi satu tradisi yang kuat dalam kehidupannya.
- iii. Memerintahkan beribadah kepada Allah (SWT) terutama solat lima waktu semenjak usia muda, sehingga menjadi satu kebiasaan yang menyeronokkan dalam kehidupannya.
- iv. Menanamkan rasa cinta kepada Rasulullah (SAW), sebagai idola kehidupannya dan keluarga beliau serta mencintai bacaan al-Quran. Sehingga pola pemikirannya sentiasa tertumpu kepada keinginan mencontohi akhlak dan kehidupan Rasulullah (SAW) dan merealisasikan kandungan isi al-Quran (al-Ghazali, 1963: 107).

Melalui proses ini, akan tertanamlah akidah Islam yang kuat dengan ibadah yang sesuai. Maka kelak anak kita akan menjadi generasi muda yang memperjuangkan Islam dan bangga akan kebesaran dan kemuliaan Nabi Muhammad SAW, serta memiliki kekebalan prinsip sehingga tidak mudah terpesong atau terpengaruh dengan budaya persekitarannya. Di samping memiliki daya saing yang kuat, berdaya maju untuk menerokai kehidupan yang lebih bermakna untuk merealisasikan kesejahteraan dunia dan kebahagiaan akhirat serta terpelihara daripada gangguan syaitan yang banyak menggoda dan memesongkan. Mereka memiliki semangat jati diri, berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif, tidak akan taksud dengan budaya lama yang melemahkan.

8. PENGAMALAN KOLEKTIF AKHLAK MULIA

Pengamalan nilai-nilai akhlak sangat berkaitan dengan pengukuhan serta pembinaan akidah Islam. Ini kerana budi pekerti yang mulia akan tumbuh sebagai buah daripada keimanan yang mantap dan akidah yang benar. Akhlak yang mulia adalah punca utama untuk meraih dan memperoleh kebahagiaan di dunia dan akhirat, serta mengangkat darjah manusia ke suatu tempat yang paling mulia di sisi Allah SWT. Sedangkan budi pekerti yang buruk merupakan racun yang amat berbahaya serta merupakan sumber keburukan yang menjauhkan seseorang daripada rahmat Tuhannya. Ia sekaligus merupakan penyakit hati dan jiwa yang akan memusnahkan erti kehidupan yang sebenar. (Ibnu Maskawayh, 1975)

Oleh itu, Allah SWT telah mengutus para Nabi dan Rasulnya bermula daripada Nabi Adam as hinggalah kepada Nabi Muhammad SAW sebagai tabib (penyembuh) yang bertugas mengubati jiwa dan hati manusia serta akan membentuk akhlak yang mulia dari dalam jiwa setiap insan sehingga kehidupan manusia di dunia ini tidak terlalu jauh terpesong dan tergelincir dari aras kehidupan yang dikehendaki oleh sang pencipta. Mengikut kajian Abu Hamid al-Ghazali (1973: 3/89), akhlak yang paling utama (ummahat al fadhail) dapat dibahagikan kepada empat bahagian iaitu:

- i. Al-Hikmah - bijaksana atau keserasian perilaku seseorang antara ilmu dan amalannya. Seorang insan yang memiliki sifat al-hikmah akan menjadi manusia yang mampu mengendalikan dirinya daripada gangguan hawa nafsu dan tipu daya

- syaitan. Hidupnya akan sentiasa terkawal dan memiliki motivasi yang kuat untuk memperoleh kejayaan dan kebahagiaan hidup.
- ii. Al-Adlu – adil ertinya jiwa yang dapat mencegah kemarahan dan hawa nafsu untuk mencapai al-Hikmah. Kerana itu, sifat ‘adl dapat membimbing manusia ke arah keselamatan, ketenteraman, kedamaian dan kebahagiaan.
 - iii. Al – Shaja’ah – keberanian mengandungi erti keteguhan hati dalam membela dan mempertahankan yang benar (haqq), tidak mundur kerana dicela dan tidak maju kerana dipuji. Dengan sifat ini, manusia mampu bekerja dengan tekun dan penuh keikhlasan, tanpa halangandan rasa bosan atau malas.
 - iv. Al-‘Iffah – iaitu menjaga diri daripada perbuatan maksiat dan menjauhkan diri daripada kelakuan yang tidak luhur. Amal hariannya sentiasa dipandu oleh akal sehat dan hati nurani (nafs mutmainnah). Manusia yang mempunyai sifat ini akan menikmati kemanisan melakukan kerja-kerja kebaikan dan kecut-hati untuk melakukan amalan yang bercanggah dengan kebaikan dan kemaslahatan.

Kesemua sifat tersebut, merupakan asas dan sumber keluhuran akhlak mulia dan nilai murni yang akan membangkitkan sifat-sifat terpuji dalam diri individu. Para ulama dan tokoh cendekiawan Islam dari semasa ke semasa telah sepakat meperakukan bahawa syariah Islam mempunyai maqasid (matlamat) yang telah dikenal pasti, sebagai berikut:

- i. Memelihara agama (al-din).
- ii. Memelihara akal.
- iii. Memelihara jiwa
- iv. Memelihara keturunan dan maruah diri
- v. Memelihara harta (Abu Ishaq al-Shatibi, 1963).

Oleh yang demikian, setiap apa jua yang ada dalam syariah Islam , sama ada yang bersumberkan ayat al-Quran ataupun Hadis Rasulullah SAW, kesemuanya adalah untuk memelihara dan menjaga maqasid syariah yang disebut tadi. Nabi Muhammad SAW telah meletakkan dasar yang benar dalam pendidikan akhlak tersebut. Dalam al-Quran, Allah telah memilih Rasulullah sebagai uswah hasanah (suri teladan yang baik) bagi mereka yang ingin selamat, sejahtera di dunia dan bahagia di akhirat serta selamat daripada seksaan api neraka.

Islam telah menanam kesedaran kepada manusia bahawa “Apa jua yang menjadi tuntutan Allah dan Rasulnya adalah yang terbaik bagi hambanya, kerana Allah Maha Bijaksana (al-Hakiim) lagi Maha Pengasih (al-Rahiim)”. Meyakini kebenaran tuntutan Allah SWT, nescaya dapat memberi kesedaran hidup yang tinggi dan ketenteraman batin yang mendalam. Dalam hal ini, terdapat empat perkara yang mutlak diperlukan demi mewujudkan moral yang tinggi dan akhlak yang mulia bagi generasi muda iaitu:

- i. Menjauhkan diri daripada fanatik buta (ta’assub): Islam mengakui bahawa manusia adalah makhluk sosial, sehingga kematangan jiwanya pun ditempa daripada arena sosialnya. Itulah sebabnya manusia harus pandai memilih dan cerdas menentukan lingkungan persekitaran ataupun pergaulan yang sihat.
- ii. Menjauhkan diri daripada kehidupan berfoya-foya (tabziir): Islam tidak pernah mengajar manusia untuk bersikap apriori terhadap dunia, tidak mempedulikan pelbagai kenikmatan dunia. Tetapi, Islam menekankan kepada umatnya untuk

- tidak tergilagilakan kepada kenikmatan tersebut, sehingga lupa akan matlamat hidupnya yang utama, iaitu menemukan kebahagiaan dunia dan akhirat secara selari dan terselamat dari seksaan api neraka.
- iii. Mencegah diri daripada berlagak seperti pondan (lelaki lembut): pendapat Sigmund Freud yang mengatakan bahawa: “*Yang diperlukan bagi manusia moden adalah menghilangkan perasaan malu terhadap sesuatu yang terlarang, melenyapkan perasaan dosa, menghilangkan batas-batas sosial dan norma agama*” (Sidi Gazalba 1974) sungguh banyak mempengaruhi kehidupan manusia dewasa ini, terutama generasi belia. Akibatnya, ramai belia moden lupa akan keselamatan dirinya. Mereka kerap kali melakukan tindakan-tindakan negatif, lantaran dipaksa oleh lingkungan sosial yang merosakkan. Mereka meneladani dan mereka tiru apa saja yang mereka sukai, lelaki meniru lagak wanita dan wanita juga berlagak dan bergaya seperti lelaki. Sehingga tidak ada lagi perbezaan gender dan batas-batas yang jelas antara lelaki dan wanita. Padahal, Nabi Muhammad SAW telah menetapkan ancumannya dalam hadis yang masyhur yang bermaksud: “Dilaknat oleh Allah SWT, laki-laki yang bergaya menyerupai wanita, dan wanita yang berlagak seperti laki-laki”.
- iv. Menghindarkan diri daripada pergaulan bebas: Suatu sifat yang melanda sebahagian generasi belia pada hari ini adalah sifat kebebasan mutlak yang sangat bermaharajalela, mendominasi kehidupan mereka yang dikira sebagai sebahagian daripada kehidupan moden. Mereka tiru dan contohi kehidupan remaja Barat yang serba bebas, serba material tanpa ada batas-batas moral dan agama yang dapat mengatur kehendak mereka dan meluruskan kehidupan mereka. Ramai antara mereka yang tergoda dengan kehidupan tanpa kawalan, tanpa adab hidup laksana binatang mengikut nafsu haiwan mereka (al-Qaradhawi, 1993:97)

Abdul Rahman al-Kawakibiy (1973:49) telah mengemukakan pandangan dan pengalamannya mengenai kehidupan orang Barat. Beliau menjelaskan bahawa “orang Barat yang berkehidupan materialistik, berjiwa kuat, berwatak keras, mementingkan diri sendiri dan mudah mendendam. Mereka sudah tidak memiliki sedikitpun sifat mulia, perasaan halus, cinta kasih yang mereka temui dari agama Nasrani. Kerana itulah, yang menjadi tempat peribadatan mereka adalah kilang, pawagam, disko, laboratorium dan yang serupa dengannya. Sedangkan, pemimpin agama mereka adalah para pengarah bank, bintang-bintang filem, tenaga pakar dan lain-lain.”

Pola hidup seperti ini telah membuat manusia melupakan keselamatan imannya, akhlaknya, peribadinya dan prinsip hidupnya. Model kehidupan mereka memaksa untuk berbuat dan bertindak lebih cergas, lincah dan bertenaga dengan tidak tentu arah. Mereka laksana binatang yang kelaparan mencari makan tanpa menghiraukan aturan-aturan hidup yang sedia ada. Persaingan yang tidak sihat telah mewarnai cara berfikir dan kehidupan mereka, hidup bebas tanpa diikat oleh nilai-nilai moral dan kemanusiaan telah melanda pola fikir mereka. Walaupun begitu, ia banyak dicontohi oleh masyarakat dan belia Islam hari ini (bandingkan: C.R.Rogers & R Dyamond, 1977)

9. WAWASAN IMAN DAN MUAMALAH ISLAMIAH

Wawasan iman yang dimaksudkan di sini adalah pengamalan dalam kehidupan seorang muslim sehari-hari. Untuk mendapatkan suatu nilai kehidupan yang serasi dengan keyakinan agama yang mereka pegang, perlulah adanya motivasi iman yang teguh dalam lubuk hati setiap insan terutamanya generasi belia. Ini memandangkan iman yang mantap serta ketakwaan yang menyeluruh mengangkat modal insan ke peringkat yang tinggi dan mulia. Mereka akan mempengaruhi dan memelihara budaya berdasarkan nilai-nilai agama, membangun moral masyarakat berdasarkan nilai-nilai akhlak mulia dan menangani budaya yang tidak sihat secara berkesan. Analisis tentang rukun iman dalam Islam yang mengandungi enam perkara itu telah mencerminkan suatu pengolahan batin yang harus diaplikasikan dalam kehidupan kita sehari-hari. Keimanan terhadap Allah, Malaikat dan Rasul-Nya, menjadi asas pemahaman kita tentang kedudukan umat manusia di dunia ini bukanlah suatu hal yang kebetulan, tetapi ia adalah urusan Allah (SWT) selaku Pencipta, sengaja menciptakan manusia sebagai khalifah di atas dunia ini dengan hikmah dan tujuan tertentu.

Keyakinan akan kebenaran Kitab Suci yang telah diturunkan, Hari Kemudian (akhirat) sebagai tempat pembalasan serta ketetapan Allah (SWT) untuk semua yang terjadi di alam ini. Ia akan menambah mantapkan keyakinan kita supaya perlunya setiap manusia untuk mencari cara dan jalan hidup yang ideal, yang dapat memberikan makna kehidupan yang membahagiakan zahir dan batin. Seseorang yang menyatakan sesuatu tindakan, perbuatan atau perkataan, pasti ada dorongan atau penolakan dari dalam batinnya. Di sinilah perlunya penegasan dasar-dasar iman yang sesuai dengan ajaran akidah Islam. Hari ini, lihat sahaja betapa ramai manusia yang tergelincir dalam lembah kesesatan, terpesong, diakibatkan penyalahgunaan tuntutan-tuntutan Ilahi yang semestinya difahami dan diyakini sebagai hidayah atau petunjuk dalam mengharungi bahtera kehidupan di dunia ini.

Kewujudan umat manusia di dunia sebagai khalifah Allah dan hamba-Nya, diharapkan dapat membangun dan mengatur kehidupan, bukannya untuk merosakkan kehidupan. Selain itu, manusia juga mengabdikan kepada Penciptanya sesuai dengan tuntutan dan ajaran yang diberikan kepadanya. Seorang hamba yang beribadah kepada Allah (SWT), harus dengan tatacara yang berasaskan pada ajaran Allah (SWT). Memakmurkan dunia pun diharuskan mempunyai asas yang jelas daripada nilai-nilai Islam. Ini semua bererti kita beramal, beribadah di atas landasan iman dan akidah yang benar. Kehidupan sosial antara sesama makhluk atau sesama manusia, selalu bertujuan tidak merosakkan persada bumi ini. Allah (SWT) dalam banyak ayat al-Quran menegaskan bahawa: “Ia sama sekali tidak menyukai kerosakan dan orang yang berbuat kerosakan di atas bumi ini” (Q.S. al-Baqarah: 60, al-Maidah: 64, al-A’raf: 74).

Masyarakat Islam sebagai “*Khayrah Ummah*” (masyarakat unggul) diharapkan menjadi contoh teladan dalam mengatur kehidupan mereka di dunia ini; selalu berusaha berbuat *islah* (perbaikan) dan menjauhi sifat *ifsad* (perosakan). Sepintas lalu kita melihat pada hari ini, justeru yang bukan Islam (non-Muslim) banyak berbuat kebaikan dan kemaslahatan, terutama melalui pengembangan sains dan teknologi gunaan. Namun setelah kita cermati dengan teliti, jelas yang dihasilkan oleh mereka dalam bidang ini

membawa bencana dan bala yang mengancam kehidupan. Inilah kesan daripada kelalaian dalam memberi perhatian kepada moral dan etika pengguna. Dalam hal ini, sepatutnya umat Islamlah yang mampu meneroka sains dan teknologi gunaannya tersebut bagi kemudahan dan kesejahteraan hidup di dunia agar masalahnya lebih terjamin dan terkendali (al-Qaradhawi, 1993: 68).

Umat Islam tidak perlu pesimis kerana sains dan teknologi banyak diterokai oleh orang bukan Islam (non-Muslim). Yang penting, umat Islam tidak boleh ketinggalan dalam berpacu dan bersaing untuk mengembang dan mempergunakannya. Prinsip umat Islam; Allah menganugerahkan hikmah dan ilmu pengetahuan kepada siapa sahaja, tanpa membezakan orang Islam atau bukan Islam. Akan tetapi, anugerah *iman* merupakan pemberian khusus daripada Allah Sang Pencipta kepada hamba-hamba yang dicintai-Nya (Ibnu Taimiyyah, 1982).

Oleh itu, umat Islam tidak boleh menadah tangan menunggu hasil ciptaan orang lain tanpa berusaha sedaya mungkin untuk ikut membangunkan dunia demi keselesaan umat manusia sejagat. Dari sudut membina semangat jati diri umat Islam, sepatutnya persoalan akidah dan akhlak dititikberatkan. Akhirnya, akan menjadi prinsip hidup umat Islam, terutamanya dalam mengharungi bahtera kehidupan sebagai modal insan yang terdedah kepada cabaran dan godaan, sehingga ia mampu bersaing dengan umat lain di dunia ini.

Pengamalan kolektif nilai-nilai akhlak mulia sangat diperlukan dalam mengharungi kehidupan moden ini supaya modal insan umat Islam, terutamanya para belia terhindar daripada pelbagai penyakit masyarakat yang berbahaya, antaranya: materialisme, kapitalisme, sekularisme, hedonisme, liberalisme dan lain-lain. Generasi belia umat Islam pula, diharapkan mampu memacu diri dan mengembangkan semangat jati diri untuk menguasai pelbagai bidang ilmu, termasuk bidang sains dan teknologi. Kemudian, mereka bangkit memanfaatkannya sesuai dengan fungsi kekhalfahan manusia di muka bumi ini, tanpa harus membuang prinsip hidup keislaman yang menjanjikan kebahagiaan dunia dan keselamatan akhirat.

7. KESIMPULAN

Pembangunan insan ialah proses pendidikan manusia dengan tumpuan terhadap aspek fizikal dan spiritual secara bersesuaian dengan fungsi dan peranan setiap komponen secara tepat. Kesesuaian ini mengakibatkan setiap komponen berkembang seperti tujuan asal kejadian setiap komponen. Hal ini seterusnya melahirkan manusia yang mantap dalam segenap aspek yang akhirnya berupaya memberikan sumbangan terhadap agama dan masyarakat. (Ahmad Fazullah Mohd Zainal Abidin). Matlamat pembangunan insan ialah untuk membina diri manusia supaya layak menjadi anggota masyarakat yang dapat menjalankan tugasnya dengan baik. Maka, ketinggian sahsiah, akhlak dan jati diri merupakan matlamat dalam pembangunan insan yang perlu dicapai. Ia juga bertujuan untuk membangunkan diri atau membangun potensi diri bagi membangun masyarakat dan Negara. Konsep yang telah ditunjukkan Islam, boleh dijadikan asas kukuh dalam melahirkan modal insan yang berkualiti. Ia boleh diaplikasi oleh masyarakat Malaysia mengikut kesesuaian mengikut ajaran agama masing-masing. Faktor penyumbang kepada akhlak mulia tidak dapat dipisahkan daripada aspek keagamaan. Agama ialah pembentuk

nilai, sikap dan tingkahlaku yang paling mantap. Akhlak mulia jelasnya melahirkan modal insan berkualiti.

8. RUJUKAN

Al-Quran

Hajah Noresah bt Baharom (2015), *Kamus Dewan Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*

Che Bakar Che Mat et.al (2007), *Pembangunan Dari Perspektif Islam.* Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).

Faudzinain Badaruddin (2006), “*Pembangunan Ummah: Relevansi Peranan Tasawuf dalam Konteks Moden*”, dalam Ahmad Sunawari Long dan Zul’azmi Yaakob (eds), *Budaya dan Pemikiran Islam Mesir-Malaysia*, Bangi: Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Muhammad Syukri Salleh (1987), *Pembangunan Berteraskan Islam*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Fariza Md Sham dan Idris Zakaria (2006), “*Peranan Dakwah Dalam Pembangunan Modal Insan: Pembinaan Peradaban Masyarakat Islam di Malaysia.*”, Dewan Kuliah Utama, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Zainudin Sharif & Nirazmah Mohamad Roslan (2011), *Faktor-faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka.* Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Universiti Teknologi Mara (Melaka) & Fakulti Pengurusan Universiti Teknologi Malaysia (Johor).

Dr. Tengku Elmi Azlina Tengku Muda, Dr. Nor ‘Adha binti Abdul Hamid, Azizah binti Mat Rashid, Norul Huda binti Bakar & Norashikin binti Azmi (2015), *Kesalahan akhlak dan perkaitannya dengan faktor kematangan, kerohanian dan kesedaran sendiri individu.* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) & Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Noor Shakirah Mat Akhir & Muhammad Azizan Sabjan (2014), *Pembangunan Modal Insan Dari Perspektif Kerohanian Agama: Islam Sebagai Fokus.* Pusta Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Fadilah bt Mohamad Nawawi (2012), *Masalah Gejala Sosial Remaja di Salah Sebuah Daerah Negeri Sembilan.* Ijazah Sarjana Muda Teknologi. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

Fatimah binti Ali (2007), *Masalah Sosial Pelajar dan Hubungannya dengan Kemosotan Pembelajaran.* Sarjana Muda. Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri. Universiti Malaya.

Noor Hafizah bt Mohd Haridi & Dr. Fakhru Adabi bin Abd Kadir (2015), *Program Agama di Institusi Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Analisis Permasalahan.* Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Antarabangsa Selangor & Universiti Malaya.

Rohayati binti Derani (2004), *Persepsi Ibu Bapa Terhadap Faktor-Faktor Keruntuhan Akhlak Remaja Islam Masa Kini: Satu Tinjauan di Taman Aman Anak Bukit, Alor Setar Kedah.* Ijazah Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam). Universiti Teknologi Malaysia.

Syarifah (2011), *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pembentukan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Umum (SMU) di Kota Medan*. Sarjana Muda. Universiti Utara Malaysia Kedah Darul Aman.